

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

1. Terdapat gambar yang ditular di media sosial berhubung dengan penebangan pokok dan pemotongan bukit di kawasan Teluk Bahang dan Bukit Erskine. Perkara ini selalu dipolitikkan oleh NGO yang berpaksi kepada parti pembangkang.
 - (a) Sejauh manakah kesahihan isu yang dibangkitkan tersebut?
 - (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap isu tersebut?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

1. Soalan ini tidak menyatakan secara terperinci lot tanah yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada keadaan semasa, boleh dianggap bahawa tanah yang dimaksudkan adalah terletak di Teluk Bahang yang menjadi isu akibat daripada pemotongan/ penebangan pokok untuk aktiviti kuari. Tanah-tanah ini berstatus *First Grade*, *Condition A* dan *Condition B* yang mana ia tidak memerlukan Permit Bahan Batuan iaitu Permit 4C di bawah Kanun Tanah Negara 1965 untuk beroperasi. Perkara ini selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 1/ 2010 yang mengecualikan permohonan Permit 4C bagi tanah-tanah berstatus *First Grade*, *Condition A* dan *Condition B*. Kesemua tanah berkenaan sebanyak 12 lot didaftarkan atas nama Lim Plantation Company Sdn Bhd dan 2 lot lain didaftarkan atas nama Ace Destination Sdn Bhd. dan Wawasan Pusaka Sdn Bhd. Kaedah 19 Kaedah Kuari Negeri Pulau Pinang 2018 menyatakan bahawa mana-mana kuari yang beroperasi sebelum 26 Mei 2010 tidak perlu mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang tetapi masih perlu mendapat kelulusan pelan Kerja Tanah daripada Pihak Berkuasa Tempatan

berkaitan dan perkara ini terpakai bagi tanah-tanah yang dimaksudkan. Namun demikian, Pengarah Tanah dan Galian Negeri melalui Inspektor Kuari Kanan telah mengeluarkan notis kepada pemilik tanah/ pengusaha kuari untuk memohon Lesen Operasi Kuari di bawah Kaedah 7 Kaedah Kuari Negeri Pulau Pinang 2018.

Manakala bagi kawasan di Bukit Erskine pula adalah dipercayai disekitar Persiaran Halia yang melibatkan tanah milik persendirian serta sebahagian tanah kerajaan yang terlibat dengan cadangan pembinaan jalan (infra) menghubungkan Persiaran Halia 3 ke Pasar Mount Erskine. Pembinaan jalan ini merupakan syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada pihak pemaju iaitu Aspen Vision Ventures Sdn Bhd. Kaedah kerja penstabilan cerun direkabentuk dan dikawal selia oleh jurutera geoteknik dan jurutera pemeriksa bebas yang dilantik. Jurutera perunding bertanggungjawab sepenuhnya memastikan kerja-kerja dijalankan mengikut spesifikasi dan rekabentuk serta selamat dan terhindar daripada kacauganggu. Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan juga Jabatan Kerja Raya turut melakukan audit pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan kerja-kerja adalah mengikut sistem pelaksanaan yang ditetapkan.

- (i) Daripada perkara yang dinyatakan di atas, isu yang dibangkitkan bagi kedua-dua kawasan yang dimaksudkan adalah berasas sebagaimana yang ditularkan oleh pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO). Namun demikian, perkara tersebut adalah di dalam pengetahuan dan tindakan Jabatan/ Agensi kerajaan yang berkenaan.

- (ii) Tiada tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil di bawah Kanun Tanah Negara 1965 bagi tanah-tanah yang dimaksudkan di kedua-dua kawasan ini kecuali mengeluarkan Notis di bawah Kaedah 7 Kaedah Kuari Negeri Pulau Pinang 2018 bagi tanah yang beroperasi untuk tujuan kuari sahaja dan bukannya untuk tujuan selain darinya. Manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mengambil tindakan undang-undang dengan memfailkan pertuduhan kesalahan kepada pemilik tanah/ pengusaha

kuari di bawah Seksyen 70A Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 kerana menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kelulusan yang sah daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Sementara menunggu perbicaraan mahkamah, segala kerja-kerja di kawasan tapak telah dihentikan dan pemilik telah melantik jurutera perunding untuk menjalankan kerja-kerja mitigasi pada bahagian cerun yang telah dipotong. Manakala, di kawasan Bukit Erskine pula, tidak berlaku sebarang kesalahan yang memerlukan tindakan penguatkuasaan kerana kawasan tersebut adalah dibangunkan bagi pembinaan jalan sebagaimana yang dinyatakan di atas.